



SIARAN MEDIA

TFST KEKAL SEBAGAI AGENDA UTAMA KPKT : 10,560 UNIT PERUMAHAN SWASTA (88 PROJEK) BERJAYA DIPULIHKAN BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA FEBRUARI 2024

KUALA LUMPUR, 1 April 2024 – YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, telah mempengerusikan mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (*TFST*) Bil. 2 Tahun 2024 pada 26 Mac 2024. YB Timbalan Menteri memaklumkan ***Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST)** masih **kek**al sebagai salah satu agenda utama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan fokus yang lebih bersasar dan strategik. Menambah baik kepada *Terms of Reference* (TOR) TFST sedia ada iaitu ***Track, Resolve, Preventive*** dan ***Forward Modelling***, gerak kerja TFST pada tahun 2024 turut meliputi langkah mencari penyelesaian dan penambahbaikan dalam **kecekapan tadbir urus melalui teknologi dan pindaan kepada perundangan sedia ada**.

Menurut Timbalan Menteri KPKT, “Sehingga 29 Februari 2024, sebanyak **88 projek** iaitu sebanyak **10,560 unit** perumahan swasta telah berjaya dipulihkan dengan nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value* – GDV iaitu sebanyak **RM8.23 billion**. Jumlah projek yang berjaya ini merangkumi 81 projek yang telah berjaya mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* - CCC), lima (5) projek yang berstatus sakit kembali menjadi lancar dan dua (2) projek terbengkalai telah berjaya dipulihkan”.

Tambah beliau lagi. “Dua (2) projek perumahan swasta terbengkalai yang telah berjaya diselesaikan tersebut ialah **Taman Daya (Astana Square), Kepong, Selangor** yang telah memperoleh Sijil Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness For Occupation* - CFO) dan **Perpaduan Heights Fasa 1 & 2, Kuala Pilah, Negeri**

Sembilan yang dilaksanakan melalui kaedah penyelesaian pembeli oleh Kerajaan Negeri”.

TFST Bilangan 2 Tahun 2024 turut mengesahkan data-data terkini bagi projek sakit dan terbengkalai bagi pelaporan **sehingga 29 Februari 2024**. Statistik menunjukkan terdapat sebanyak **230 projek lewat dan 462 projek sakit manakala 115 projek pula telah disahkan sebagai projek terbengkalai**. Kesemua projek lewat, sakit dan terbengkalai yang terkini membawa **nilai pembangunan kasar (Gross Development Value – GDV) sebanyak RM201.75 bilion**. Nilai ini menunjukkan terdapat pengurangan kepada bilangan projek lewat, sakit dan terbengkalai berbanding statistik sehingga 31 Januari 2024.

Sepanjang 2 bulan pertama, lawatan tapak dan pemantauan secara rapi merupakan agenda tetap dan dipergiatkan oleh pasukan KPKT dalam usaha memperkukuhkan salah satu daripada empat (4) elemen utama *TOR TFST* iaitu melaksanakan pemantauan secara secara berterusan (*Resolve*).

Bagi suku tahun pertama 2024, sejumlah **empat (4) lawatan tapak projek perumahan swasta lewat dan sakit telah diadakan di Shah Alam, Selangor (1 projek), Langkap, Perak (1 projek) dan Seberang Perai, Pulau Pinang (2 projek)**. Libat urus bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi teknikal terus diadakan di tapak projek bagi mencapai kata sepakat dan penyelesaian terhadap isu-isu pembangunan projek yang berbangkit. Seterusnya, pemaju sedang mengambil tindakan bagi memenuhi syarat untuk penyiapan projek.

Menurut Timbalan Menteri KPKT, “TFST juga perlu mempergiatkan aktiviti libat urus bersama agensi teknikal, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), institusi kewangan, turun padang serta pemantauan menyeluruh terhadap kemajuan projek perumahan swasta lewat, sakit dan juga projek terbengkalai terutamanya yang sedang dipulihkan. TFST juga akan berusaha dan bergiat aktif bagi memastikan unjuran projek perumahan swasta sakit berakhir pada Disember 2024 adalah kekal atau kurang daripada 505 projek perumahan sakit sepertimana yang disasarkan.”

KPKT sedia bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan serta sentiasa komited untuk menangani masalah projek sakit dan terbengkalai di seluruh negara bagi menjayakan agenda utama KPKT ini demi kesejahteraan para pembeli rumah yang terjejas.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertwi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

